



# Wadah Bahasa dan Sastera



RUANGAN KELOLAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK

Berminat untuk menulis, sila hubungi **Editor WBS** di talian **082-227000**, atau e-melkan kepada **idzam@dbp.gov.my** dan **penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my**

## ..... PUISI

**PUISI ini disiarkan seperti mana yang diterima daripada penulis tanpa disunting dan diubah suai. Ulasan atau bimbingan untuk puisi ini akan disiarkan pada keluaran yang akan datang.**

## Rasuah

Rasuah, rasuah, rasuah,  
Di mana-mana kita berada ada sahaja sebutan rasuah,  
Rasuah adalah satu pengkhianatan kepada manusia dan negara,  
Yang memberi padah dan sengsara,  
Rasuah...  
Engkaulah pengkhianat yang boleh menghancurkan sesiapa.

Rasuah...  
Pengkhianat terhadap kepercayaan,  
Penipuan bertopengkan ketelusan,  
Terpesong dari pegangan,  
Runtuhnya tamadun keimanan,  
Memberi kemewahan, kesenangan,  
Di penghujung kehidupan.

Rasuah...  
Punca imej negara terjejas,  
Punca kehilangannya kepercayaan,

Punca wujudnya rasa hina,  
Dan punca peresak kehidupan.

Rasuah...  
Bijaknya engkau menghasut manusia,  
Sehingga mereka terjerumus dalam dosa,  
Tanpa disedari engkaulah musuh utama,  
Yang tidak boleh dihindari oleh sesiapa.

Rasuah...  
Datangnya di sebalik bayangan,  
Menyelinap mencari sasaran,  
Bergerak seperti halimunan,  
Yang sukar untuk dikesan  
Bak gunting dalam lipatan,  
Hempedu dalam manisan.  
Racun dalam makanan.

*Jessica Paula Anak Julai,  
Pusat Tingkatan 6 SMK Suai,  
Miri.*

## Wadah Rindu

Ini kali air mataku berderai  
sebak di dada tidak tertahan  
Melihat engkau terbaring kaku  
tanpa ada kedapan nadi

Aku hadam segala nasihat lalu  
yang pernah engkau bicarakan  
Namun itu tidak akan berulang lagi  
Kerana ku tahu engkau telah pergi

Kini aku meniti jambatan hidup sendiri  
Tanpa ada insan yang menopeng  
Gurau senda menjadi bayangan  
Hanya mampu dikenang berzaman  
dan tidak  
Mungkin menerpa kembali

*Alexander Anak Mesa  
SMK Marudi, Baram Sarawak*

## Suara Pewira

Gendang perang sudah dipalu  
Senjata berat menjadi penentu  
Sorak-sorai laungan keramat  
Tidak menyerah Sang Penunduk Kiamat

Dalam satu menjadi kuat  
Arahan keluar menjadi matlamat  
Saat iman terasa tergugat  
Jangan dimenangkan walau setingkat

Perasaan semangat membara  
Dalam mengerat tali persaudaraan  
Menuju ke arah puncak jaya  
Tidak akan putus hilang nyawa

*Ferdrick Adam Gawan  
SMK Marudi,  
Baram Sarawak*

# Menulis

pada tahun **2020**



untuk ruangan **Yang Indah Itu Bahasa (YIIB)**  
dan **Wadah Bahasa dan Sastera (WBS)**

kelolaan **Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak**

**Puisi, Cerpen, Esei Kritikan, Artikel dan Berita Kegiatan**  
yang berkaitan dengan bahasa dan sastera.

\*Cerpen/esei dan berita (8-12 halaman, saiz fon 12 poin dan langkau dua baris).  
Puisi (1 halaman). Semua karya hendaklah ditulis dalam bahasa kebangsaan.

**Tiada Syarat Akademik.**

Hanya karya yang layak selepas dinilai akan disiarkan.

**Bayaran Honorarium**

tertakluk kepada perkiraan yang telah ditetapkan.

**Jangan lupa,**

setiap karya hendaklah disertakan dengan

**nama penuh, alamat, no. kad pengenalan, no. telefon,  
nama bank dan nombor akaun anda.**

Telefon  
**082-227000**

E-melkan ke  
**zubaidah@dbp.gov.my**  
**penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my**

Alamat Pos  
**Editor YIIB dan WBS**  
**Unit Penerbitan, Aras 2,**  
**Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak,**  
**Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub,**  
**93050 Kuching, Sarawak.**

